

17/01/1997

Mahathir yakin teleubat diterima

Mustapha Omar in Santa Clara

SANTA CLARA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin konsep teleperubatan yang akan diperkenalkan dalam projek Koridor Raya Multimedia (MSC), dapat diterima oleh orang ramai, khususnya pengamal perubatan tempatan.

Menurut Perdana Menteri, konsep baru dalam bidang perubatan yang menggunakan kemudahan rangkaian teknologi maklumat (IT) itu akan disahkan oleh Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), walaupun beberapa perkara masih perlu diperkemas.

"Walaupun ia satu konsep baru, kita percaya semua pihak dapat menerimanya," katanya ketika menjawab soalan peserta dalam satu dialog selepas berucap mengenai MSC kepada sekumpulan pelabur dan pelajar di Universiti Stanford, Palo Alto, dekat sini hari ini.

Ucapan beliau berkisar mengenai pentingnya MSC kepada Malaysia dan bagaimana pengusaha industri IT Amerika Syarikat, khususnya di Lembah Silikon itu boleh membantu negara melaksanakan aplikasi yang ditetapkan dalam projek berkenaan.

Teleperubatan adalah salah satu daripada tujuh aplikasi yang diberi keutamaan dalam projek MSC sebagai pemangkin perkembangan aktiviti multimedia lain.

Menerusi konsep itu, doktor tempatan boleh berinteraksi secara terus dengan pakar perubatan lain di seluruh dunia menggunakan perkhidmatan on-line yang disediakan dalam kawasan MSC.

Dengan adanya kemudahan itu, doktor tidak perlu lagi berada di dalam bilik pesakitnya ketika menjalankan rawatan dan undang-undang siber yang akan diluluskan tidak lama lagi akan membolehkan kaedah berkenaan dilaksanakan.

Selain itu, klinik di kawasan luar bandar pula akan dihubungkan dengan pakar perubatan di seluruh negara dan pusat perubatan terkemuka di seluruh dunia bagi membolehkan rawatan dan pembedahan dilakukan secara langsung.

Dr Mahathir yang tiba di sini dari Los Angeles pagi tadi, akan mempengerusikan mesyuarat pertama panel penasihat antarabangsa (IAP) bagi projek MSC yang akan diadakan di universiti berkenaan, esok.

Sebaik sahaja tiba di sini, Perdana Menteri menerima kunjungan Ketua Eksekutif Microsoft Corporation, Bill Gates, yang juga salah seorang anggota panel berkenaan. Bagaimanapun, Gates tidak dapat hadir dalam mesyuarat esok.

Petang tadi, Dr Mahathir juga dikunjungi oleh Presiden dan Ketua Eksekutif Netscape, James Barksdale serta Ketua Pegawai Eksekutif Cisco, John Chamber.

Menjawab soalan seorang lagi peserta, Perdana Menteri berkata kerajaan sedia menerima pakar-pakar tempatan yang kini berkerja di luar negara untuk berkhidmat di kawasan MSC.

"Kita mengalu-alukan kehadiran pakar, sama ada rakyat Malaysia atau asing untuk mengambil bahagian dalam projek itu. Mereka yang bukan lagi warganegara Malaysia boleh bekerja sebagai pegawai dagang," katanya.

Mengenai persaingan dengan negara jiran, Perdana Menteri berkata Malaysia memang bersedia untuk menghadapi saingan itu, malah projek MSC mempunyai beberapa kelebihan yang tidak ada di negara jiran.

"Kita memperkenalkan satu projek yang baru dengan menggunakan pelbagai teknologi canggih, bukan sekadar menambah konsep daripada kemudahan yang sedia ada."

"Selain itu, kita juga mempunyai kelebihan dari segi kos dan iklim pelaburan yang menggalakkan berbanding negara jiran. Inilah yang kita tawarkan kepada pelabur," katanya.

(END)